



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



Dapatkan berita menarik di dalam...

Sidang Redaksi



<i>Penaung</i>	:	<i>Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Azizan bin Abdullah</i>
<i>Penasihat</i>	:	<i>Puan Maznah binti A. Hamid</i>
<i>Pengarang</i>	:	<i>Puan Siti Rozana binti Mat Sanat</i> <i>Encik Mohd Hafiz binti Kasirun</i> <i>Puan Mawar Noor binti Abdullah</i> <i>Encik Idris bin Muhammad</i> <i>Cik Nor Azelea binti Mohd Azahar</i>
<i>Editor</i>	:	<i>Encik Abdul Razak bin Abu</i> <i>Encik Roslan bin Mohd Nor</i>
<i>Percetakan</i>	:	<i>Puan Norme binti Hj Saleh</i>
<i>Rekaletak/Konsep</i>	:	<i>Encik Mohd Danial bin Daud</i> <i>Saudari Norazra binti Rahmat</i> <i>(Pelajar Praktikal Feb - Jun 2015)</i> <i>Saudari Nur Areena Aqilah binti Mohd Sapri</i> <i>(Pelajar Praktikal Ogos - Disember 2015)</i>
<i>Edaran</i>	:	<i>Encik Juharie bin Jemain</i>

TINTA PUSTAKAWAN

FAEDAH MEMBACA

Oleh : Idris bin Muhammad



Allah ta'ala berfirman di dalam Al Qur'an surah Al 'Alaq ayat 1 sampai 5:
"Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang telah menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmu adalah Maha Pemurah. Yang mengajar (manusia) dengan perantaran qalam (alat tulis). Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya."

Iqra diterjemahkan dengan bacalah. Ia merupakan kata pertama dari wahyu yang disampaikan Allah kepada Nabi Muhammad saw melalui surah Al Alaq. Surah ini memerintahkan kepada Nabi Muhammad saw untuk membaca.

Membaca jambatan ilmu. Namun berapa banyakkah buku yang telah dibaca oleh kita pada hari ini? Barangkali ramai generasi sekarang yang membaca muka buku dari membaca buku ilmiah. Budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia masih rendah. Secara purata rakyat Malaysia hanya membaca dua buah buku setahun. Sedarkah kita, negara kita yang sedang pesat membangun memerlukan rakyat yang berpendidikan tinggi untuk maju setanding dengan negara maju. Persoalannya, adakah rakyat Malaysia sedia akan pelbagai faedah yang bakal diperoleh apabila mereka membaca? Sebenarnya, terdapat pelbagai faedah apabila seseorang mempraktikkan budaya membaca.

Budaya membaca merupakan pemangkin kepada kemajuan negara. Kemajuan sesebuah negara tidak dilihat pada pembangunan fizikal semata-mata tetapi juga diukur pada kemajuan intelektual rakyatnya. Rakyat yang berilmu mencerminkan kemajuan sesebuah negara dan mempunyai rakyat yang bertamadun tinggi. Sejarah telah membuktikan bahawa pembangunan tamadun keintelektualan manusia bermula daripada buku. Kemajuan Kota Baghdad telah muncul sebagai pusat penyebaran ilmu yang unggul di dunia suatu ketika dahulu disebabkan ledakan ilmu menerusi penulisan dan penterjemahan pelbagai buku dari seantero dunia. Melalui tabiat membacalah, kita dapat melahirkan modal insan bertaraf dunia.

Membaca juga merupakan satu amalan yang amat berfaedah. Mereka yang banyak membaca akan memperoleh banyak kelebihan dan manfaat. Seseorang yang suka membaca akan mempunyai minda yang tajam dan cemerlang. Hal ini kerana, minda orang membaca akan sentiasa berkembang dan tidak jumud. Hal ini kerana, apa sahaja bahan bacaan seperti buku ilmiah, novel dan majalah boleh merangsang pemikiran seseorang. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa pemikiran orang yang mengamalkan tabiat membaca akan sentiasa kreatif, kritis dan berinovatif.

Seseorang yang mengamalkan tabiat membaca juga akan dapat meningkatkan pengetahuan, pemahaman dan daya ingatan khususnya pelajar. Pelajar yang membaca lebih luas pengetahuan akalnya sekaligus dapat mendorong untuk lulus dengan cemerlang dalam akademik. Kejayaan ini berlaku kerana banyak fakta yang dapat dihafal apabila pelajar banyak membaca. Selain itu, membaca juga dapat membantu pelajar memahami sesuatu mata pelajaran dengan cepat dan mudah.

Tabiat membaca merupakan aktiviti masa senggang yang sangat berfaedah. Masa itu emas, oleh itu seseorang seharusnya mengisi masa lapang dengan berfaedah seperti mengamalkan hobi membaca buku. Ingatlah, bila kamu tidak tahan lelahnya belajar, maka kamu akan menanggung peritnya kebodohan. Maka, bacalah...

